

15 MAY 1998

Petronas-Sudan

SIMPANAN MINYAK BERTAMBAH DENGAN USAHASAMA DI SUDAN

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 15 Mei (Bernama) -- Syarikat minyak negara, Petronas, mula melabur di luar negara pada tahun 1990, atas desakan khusus untuk mencari simpanan minyak tambahan untuk Malaysia.

Dua tahun kemudian, senarai negara-negara dalam usaha globalisasinya ditambah dengan Sudan, yang dipulau oleh ramai pelabur disebabkan perang saudara yang sedang berlaku di negara itu.

Dan dua tahun lepas, hasil daripada hubungan diplomatik yang semakin baik antara Malaysia dan Sudan, Kerajaan Sudan mempelawa Petronas menyertai projek bersepadu untuk menerokai dan membangun tiga blok kawasan minyak daratan (onshore) di sebelah selatan negara itu.

Hasilnya datang dengan cepat. Bersama dengan tiga rakan kongsi termasuk syarikat minyak negara Sudan, Sudapet, mereka menemui minyak di situ dan menubuhkan konsortium yang dinamakan Greater Nile Petroleum Operating Company Ltd (GNPOC).

Setakat ini Petronas telah melaburkan sebanyak AS\$200 juta ke dalam usahasama itu di mana ia mempunyai 30 ekuiti, manakala China National Petroleum Corporation 40 peratus, syarikat minyak Kanada, State Petroleum Corporation 25 peratus dan Sudapet dengan hanya 5 peratus.

"Jumlah kesemua pelaburan kami dalam usahasama ini akan mencecah AS\$600 juta dari kos semuanya sebanyak AS\$3 bilion. Ini adalah pelaburan kami yang terbesar di luar negara," kata pengerusi dan ketua eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Marican kepada wartawan Malaysia selepas upacara perasmian pejabat Petronas di sini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Hassan gembira dengan projek itu sama juga seperti 150 kakitangan Petronas dan keluarga mereka yang membentuk masyarakat ekspatriat Malaysia yang kecil di sini.

"Tanya mereka mengenai pengalaman mereka bekerja di sini anda akan dapat cerita bagus untuk ditulis, terutamanya bagaimana mereka memasang baris paip (pipeline)," kata Hassan mengenai paip sepanjang 1,500km yang dipasang dari kawasan pengeluaran ke Port Sudan.

Sejak tahun lepas, konsortium itu telah menggali 29 telaga yang menemui simpanan minyak sebanyak 660 juta tong.

Apabila paip itu siap Jun tahun depan, Sudan akan menyertai kumpulan negara-negara pengeksport minyak, dengan pengeluaran awal sebanyak 150,000 tong sehari.

Eksport minyak Sudan yang pertama yang dijadualkan Jun tahun depan itu akan membawa harapan baru kepada 30 juta penduduk negara Afrika terbesar itu.

Sudanow, majalah berita berbahasa Inggeris utama di sini, menyifatkan projek itu sebagai "satu mimpi yang menjadi kenyataan bagi Sudan".

"Pengeluaran minyak adalah satu harapan yang ditunggu lama oleh rakyat Sudan. Di atas sebab-sebab politik, faktor ketidakstabilan dan peperangan, syarikat asing yang diberi tugas menjalankan penerokaan di masa lepas meninggalkan negara ini. Sekarang, kerajaan Sudan yang sekarang nampaknya serius untuk menjadikan mimpi satu realiti," katanya dalam satu laporan baru-baru ini.

Pengeluaran minyak tempatan yang meningkat oleh Petronas dan rakan-rakan kongsinya itu di sini juga akan membolehkan Sudan menjimatkan pertukaran asingnya sebanyak AS\$500 juta setahun dari import minyak.

"Berasas kepada program penerokaan semasa, kami optimistik untuk

menambah 600 juta tong lagi kepada simpanan itu.

"Ini bermakna dari usahasama itu, semua rakan kongsi akan mendapat simpanan sebanyak 1.2 juta tong atau sama banyak dengan simpanan Malaysia. Dan ini bermakna dari kepentingan kita sebanyak 30 peratus, Malaysia akan mempunyai tambahan sebanyak 360 juta tong simpanan minyak," kata Hassan.

Pelaburan Petronas di Sudan selaras dengan dua objektif usaha globalisasinya

-- memperluaskan perniagaan dan memberi cabaran baru kepada kakitangannya.

Dalam usaha untuk menjadi pemain global, Petronas sekarang mempunyai operasi di 19 negara dalam aktiviti sebenar dan hiliran serta yang berkaitan.

Hassan berkata sama seperti dasar Malaysia menggalakkan syarikat-syarikat multinasional "diMalaysiakan" setakat mana yang boleh, Petronas juga telah memulakan program "Sudanisasi" yang mana rakyat tempatan dilatih di sini dan di Malaysia untuk bersedia mengambil alih jawatan-jawatan semasa operasinya semakin matang.

Petronas juga membantu menubuhkan pusat-pusat pembangunan kemahiran dan pusat penyelidikan di Sudan dalam jangkaan pertumbuhan industri petrolium.

"Kami tidak akan mengabaikan tanggungjawab sosial kami dan aspirasi kerajaan tuan rumah. Kami percaya kepada perkongsian jangka panjang dan akan berusaha untuk memberi sumbangan yang bermakna dan berfaedah kepada perkongsian itu," katanya sebelum itu dalam ucapannya pada upacara perasmian pejabat Petronas itu.

Apabila rakyat Sudan sudah cukup bersedia untuk mengambil alih, rakyat Malaysia akan mengambil hanya 20 peratus daripada sumber manusia di sini, kata Hassan yang tertarik dengan kemahiran rakyat tempatan, terutamanya "bahasa Inggeris mereka yang baik".

"Kami bangga dengan pencapaian dalam masa yang agak singkat," kata Hassan, yang berterima kasih kepada Dr Mahathir atas dorongan dan pimpinannya dalam menjayakan usaha di Sudan itu yang sekarang bakal memberi dividen yang lumayan.

-- BERNAMA

AU WAT